

Nyamuk disuntik bakteria Wolbachia atasi kes denggi

3/4/19

➔ 10 lokaliti dikenal pasti bagi pelepasan serangga mulai Julai depan

Oleh Mohd Azrone Sarabatin; Mohd Iskandar Ibrahim dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Nyamuk yang disuntik bakteria *Wolbachia* akan dilepaskan di 10 lokaliti yang dikenal pasti pada Julai depan, bagi mengatasi peningkatan wabak denggi di kawasan berkenaan, kata Datuk Seri Dr Wan

Azidah Wan Ismail:

Timbalan Perdana Menteri berkata, pelepasan nyamuk itu dijangka mampu menurunkan kes denggi di kawasan terbabit antara 60 hingga 70 peratus, sekali gus mampu mengurangkan kadar kematian akibat denggi.

Inovasi tangani kes denggi

Katanya, operasi pelepasan nyamuk itu diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi semalam, sebagai tindak balas kerajaan terhadap peningkatan wabak denggi yang ketara antara Januari hingga Mac lalu.

"Nyamuk disuntik *Wolbachia* adalah inovasi dalam menangani peningkatan kes denggi, di mana bakteria *Wolbachia* disuntik ke dalam telur nyamuk *Aedes Aegypti*."

"Nyamuk yang disuntik bakteria *Wolbachia* ini akan merencatkan pertumbuhan virus denggi di da-

lam nyamuk dan seterusnya menghalang penyebaran virus denggi," katanya pada sidang media di lobi Parlimen, semalam.

Dr Wan Azizah berkata, operasi pelepasan nyamuk dengan bakteria *Wolbachia* diputuskan, selepas kejayaan program perintis di lima lokaliti yang dijalankan sejak 2017.

"Dalam program perintis itu, hampir empat juta nyamuk disuntik *Wolbachia* dilepaskan di lima lokaliti dan kami mendapati penurunan kes antara 50 peratus hingga 70 peratus," katanya sambil menjelaskan kos pelepasan nyamuk itu kira-kira 50 sen seekor.

36,285 kes hingga 30 Mac

Beliau berkata, wabak denggi meningkat dengan mendadak, dengan 36,285 kes dilaporkan antara Januari hingga 30 Mac lalu, berbanding 14,734 kes bagi tempoh sama pada tahun lalu, iaitu peningkatan sebanyak 146 peratus.

"Selain itu, sebanyak 59 kematian akibat denggi dilaporkan di seluruh negara berbanding 32 kematian pada 2018, iaitu peningkatan sebanyak 84.4 peratus atau 27 kematian," katanya.

Ramal lokaliti wabak

Mengulas lanjut, Dr Wan Azizah berkata, mesyuarat itu juga bersejua untuk mengkaji penggunaan kecerdasan buatan (AI) bagi meramal lokaliti wabak, untuk melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi.

"AI sangat penting untuk digunakan sebagai alat dengan menganalisa pembolehubah seperti ke-lajuan angin, kelembapan, taburan, hujan dan sebagainya, untuk meramal wabak denggi."

"Sudah tiba masanya untuk kita meramal bagi menghalang penularan wabak dan bukan hanya sekadar bertindak balas untuk mengawal wabak ini," katanya.



Dalam program perintis itu, hampir empat juta nyamuk disuntik *Wolbachia* dilepaskan di lima lokaliti dan kami mendapati penurunan kes antara 50 peratus hingga 70 peratus"

Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Timbalan Perdana Menteri